



***EON Inspirasi***

*Mohammad Nasrul*

***Breast Cancer***

*Are Men at Risk?*

***Men vs Women***

*A Genetic Perspective*

***Outdoor***

***Recreation***

*Trends among Youth*

***From Jogging***

*to Ka-Ching!*

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

# Aktiviti P.P. Biologi

DR MU'ADZ AHMAD MAZIAN & DR ILYANIE HJ YAACOB

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,  
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

[muadzam@uitm.edu.my](mailto:muadzam@uitm.edu.my)

## Bengkel Perancangan Strategik PPBio.

Pada tanggal 28 Disember 2022 bertempat di Laman Gentam Kuala Pilah, satu bengkel perancangan strategik peringkat Pusat Pengajian Biologi (PPBio) telah dijalankan.

Idea untuk mengadakan bengkel ni telah dicetuskan oleh KPP Biologi, Dr. Ida Muryany Md Yasin. Objektif bengkel ini adalah untuk memastikan segala "key performing index"(KPI) yang telah diturunkan kepada pusat pengajian dapat dirancang dengan rapi dan teliti dan dicapai dengan kerjasama warga PPBio.

Bengkel yang bertemakan warna pink, putih dan hijau telah dimulakan dengan aktiviti berzumba yang diketuai oleh Zen Dr Nor'Aishah Hassan serta kumpulannya. Kemudian, sesi perbincangan KPI bermula dengan ucapan aluan oleh KPP. Sesi perbincangan berlarutan sehingga jam 4 petang dimana sebelum bersurai, pihak Laman Gentam menyediakan minum petang.

Segala perancangan telah diatur dengan rapi, diharapkan agar PPBio terus cemerlang dan terbilang.



## Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Pelangai.

Buat julung kalinya, PPBio telah berjaya mengadakan satu ekspedisi saintifik Hutan Simpan Pelangai yang masih belum diterokai sepenuhnya. Pengarah ekspedisi ini, Puan Sarah Shazwani Zakaria telah mengambil pendekatan untuk berkolaborasi dengan agensi luar termasuk Jabatan Perhutanan, Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), dan Malaysia Nature Society (MNS) bagi mengukuhkan lagi perhubungan dua hala antara agensi luar dan UiTM Caw. N. Sembilan.

Ekspedisi yang berlangsung pada 15 - 17 Mac 2023 telah berjaya menghimpunkan gambar beratus jenis hidupan flora dan fauna. Hasil pemerhatian selama 2 jam 40 minit oleh penyelidik dari MNS pula telah berjaya mengenalpasti lebih kurang 153 ekor burung dari 41 spesies berbeza. Jumlah ini membuktikan bahawa Hutan Simpan Pelangai ini masih dikategorikan sebagai hutan dara, iaitu hutan yang masih belum diterokai sepenuhnya. Siri ekspedisi yang seterusnya harus dilaksanakan bagi mengenalpasti lebih banyak spesis hidupan yang terdapat di dalam hutan simpan tersebut.



# Aktiviti P.P. Biologi

## Bengkel Teknik Asas Mikrobiologi

Pada 21 Mac 2023, PPBio dengan kerjasama Unit Makmal telah mengadakan Bengkel Teknik Asas Mikrobiologi. Bengkel ini diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar ijazah sarjanamuda tentang teknik asas yang melibatkan pengendalian bakteria sebelum mereka memulakan projek tahun akhir.


Antara teknik-teknik yang telah diajar adalah "inoculation loop technique", "preparation of media" (agar, broth, slant and deep agar), "serial dilution technique", "preparation of overnight culture", "preparation of bacterial glycerol stock" dan "Gram staining". Seramai 38 peserta telah mendaftar dan berjaya menamatkan bengkel dengan jayanya.



## Sambutan Hari Raya PPBio

Tanggal 12hb Mei 2023, PPBio telah berjaya mengadakan sambutan hari raya buat kali kedua setelah dua tahun Malaysia dilanda pandemik Covid-19. Dengan tema "Melayu Klasik" yang diketengahkan oleh pengarah program, En Mohd Zaini Nawahwi, sambutan ini telah mendapat sambutan dari seluruh warga PPBio. Sambutan Raya ini telah dirasmikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (TREK HEA), Ts Dr. Noorlis Ahmad yang di dalam ucapan perasmianya, berpesan agar silaturrahim dikalangan pensyarah perlu diertatkan antara satu sama lain.

Dua aktiviti telah dijalankan semasa sambutan bagi memeriahkan suasana iaitu password game dan sukaneka. Menu raya melayu klasik yang dihidangkan termasuklah nasi daging bersama air asam, nasi putih ikan keli berlado, lemang dan rendang, nasi impit dan sebagainya. Majlis sambutan hari raya tersebut ditutup dengan acara cabutan nombor bertuah, penyampaian hadiah dan sesi bergambar.



# Aktiviti P.P. Biologi

## Program Kerjasama & Perkongsian Strategik: UiTM & Universiti Hyogo, Jepun.

Pada tanggal 2 Jun 2023, PPBio telah mengadakan lawatan sempena Program Kerjasama & Perkongsian Strategik antara UiTM & Hyogo Universiti, Japan. Program ini adalah lanjutan dari sesi kerjasama dalam konferens IVUS dan program Visiting Researcher oleh salah seorang pensyarah PPBio iaitu Dr Mu'adz Ahmad Mazian.



Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan hala tuju kerjasama bagi memacu ke arah menandatangani MoU diantara kedua-dua universiti, meningkatkan jaringan kerjasama dengan Hyogo Universiti melalui penyelidikan dan penerbitan, serta mencapai KPI UiTMCNS.

Selain itu, kesemua penyelidik yang mengikuti rombongan tersebut juga diberi peluang untuk melawat Spring-8 iaitu pusat penyelidikan yang menyediakan kemudahan sinaran synchrotron.



## Annual Dinner & Majlis Kecemerlangan Akademik.

Pada tanggal 17 Jun yang lalu, satu majlis makan malam dan majlis kecemerlangan akademik telah diadakan bertempat di Orked Event & Space, Seremban, N. Sembilan. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh TREK HEA, Ts Dr. Noorlis Ahmad, dan dihadiri oleh pensyarah-pensyarah PPBio dan pusat pengajian lain, serta pelajar dari program AS201 dan AS114.

Pengarah program tersebut merupakan pelajar AS201 iaitu Cik Nur Qamarina Mohd Nazar dan dibantu oleh ahli-ahli persatuan BioSmarteam dan MISA. Program yang bertemakan "The Secret Garden" ini menjadi medan untuk mengeratkan silaturrahim sesama warga PPBio serta platform untuk meraikan pelajar-pelajar yang berjaya mendapatkan keputusan cemerlang pada semester sebelum ini.

